

STPM Kertas 1 Set KVK 1:

Soalan 1 Jawapan yang dicadangkan

(a) Tiga andaian atau prinsip perakaunan yang berkaitan dengan penyediaan penyata pendapatan komprehensif sesebuah entiti perniagaan:

1. Andaian tempoh perakaunan:

Hayat perniagaan dibahagikan kepada tempoh-tempoh yang sama lamanya bagi tujuan menyediakan maklumat kewangan seperti penyata pendapatan dan penyata kedudukan kewangan untuk membolehkan pengguna maklumat membuat keputusan.

2. Prinsip pengiktirafan hasil (realisasi):

Penyata pendapatan disediakan untuk mengukur untung atau rugi dengan memadankan hasil sebenar dengan belanja sebenar bagi tempoh yang sama. Prinsip ini memberi garis panduan untuk mengukur hasil sebenar dengan betul, iaitu hasil diiktiraf apabila terperoleh.

3. Prinsip pemadanan:

Prinsip ini memberi garis panduan untuk mengiktiraf belanja sebenar bagi tempoh hasil sebenar terperoleh. Belanja diiktiraf melalui pemadanan dengan hasil secara langsung atau dengan tempoh hasil itu terperoleh.

(b) Satu daripada kesilapan tak ketara yang boleh wujud dalam satu sistem perakaunan manual tetapi tidak akan wujud dalam satu sistem perakaunan berkomputer adalah kesilapan saling mengimbangi. Kesilapan ini mempunyai dua atau lebih kesilapan ketara yang boleh mengimbangi (set off) antara satu sama lain. Dalam sistem perakaunan berkomputer, kesilapan ketara tidak akan wujud kerana sistem berkomputer mempunyai kawalan dalaman yang terbina dalam sistem untuk mengesan kesilapan ketara pada masa ia berlaku dan sistem itu tidak akan menerima data yang tak lengkap sehingga ia diperbetulkan.

(c) (i) Pengiraan kos aset tetap:

	RM	RM
Kos aset tetap sebelum pelarasan		250,000
(+) Nilai kerja pekerja syarikat*	6,000	
Bahan dibeli*	5,000	
Bahan dari inventori*	3,000	14,000
		264,000
(-) Jualan aset tetap (32,000 – 2,000)		30,000
Kos aset tetap selepas pelarasan		234,000

*dipermodalkan

Pengiraan susut nilai terkumpul:

$$= 85,600 - 25,600 - (6,400 - 400) + 2,800 = \text{RM}56,800$$

Nota:

Susut nilai terkumpul untuk aset yang dijual

= $32,000 \times 20\% \times 4 \text{ tahun} = \text{RM}25,600$

Belanja susut nilai untuk aset yang dijual bagi tahun berakhir 31 Oktober 2020 yang terkandung dalam jumlah susut nilai terkumpul

= $(32,000 - 2,000) \times 20\% = \text{RM}6,000$

Belanja susut nilai untuk belanja penambahan kepada bangunan yang dipermodalkan

= $14,000 \times 20\% = \text{RM}2,800$.

Atau;

	RM
Susut nilai terkumpul sebelum pelarasan	85,600
(-) Belanja susut nilai tahunan $(250,000 \times 20\%)$	50,000
	35,600
(+) Belanja susut nilai terlaras $(234,000 \times 20\%)$	46,800
	82,400
(-) Susut nilai terkumpul untuk aset dijual $(32,000 \times 20\% \times 4)$	25,600
	56,800

(ii) Penyediaan penyata kedudukan kewangan

Gerak kerja:

1. Melaraskan untung bersih

	RM	RM
Untung bersih sebelum pelarasan		85,100
(+) Belanja susut nilai aset dijual	6,000	
Bahan penambahan dalam akaun belian	5,000	
Bahan dari inventori	3,000	
Belanja gaji dipermodalkan	6,000	
Hutang lapuk terpulih (ambilan)	200	
Pelarasan peruntukan hutang ragu	26	20,226
		105,326
(-) Rugi atas jualan aset	4,400	
Belanja susut nilai atas belanja dipermodalkan	2,800	
Hutang lapuk dihapus kira	650	
Kerugian inventori	800	8,650
		96,676

2. Pengiraan akaun belum terima bersih:

	Sebelum pelarasan	Selepas Pelarasan
Baki akhir akaun belum terima [(36,000 / 96) x 100]	37,500	37,500
(-) Hutang lapuk	-	650
Baki terlaras akaun belum terima	37,500	36,850
(-) Peruntukan hutang ragu (4%)	1,500	1,474
Baki akaun belum terima bersih	36,000	35,376

Pengurangan dalam PHR = 1,500 – 1,474 = RM26

3. Pengiraan rugi atas jualan aset

= Harga jualan – Nilai bersih aset

= 2,000 – (32,000 – 25,600) = RM4,400 (Rugi)

4. Kerugian inventori ditentukan dengan amalan peraturan “terendah antara kos atau nilai boleh realis bersih

Harga kos = RM3,200

Harga pasaran = (3,200 / 80) x 100 x 60% = RM2,400

Kerugian inventori = 3,200 – 2,400 = RM800

5. Ambilan = 15,800 + 200 = RM16,000

Penyediaan Penyata Kedudukan Kewangan:

Syarikat KVK			
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Oktober 2020 (Draf)			
	RM		RM
Aset bukan semasa		Ekuiti pemilik	
Aset tetap (kos)	234,000	Modal (1 November 2019)	232,800
Susut nilai terkumpul	(56,800)	Untung bersih	96,676
		Ambilan	(16,000)
Aset semasa			
Inventori bahan mentah	32,650	Liabiliti semasa	
Inventori barang siap	87,960	Akaun belum bayar	21,680
Akaun belum terima bersih	35,376		
Bank	51,970	Liabiliti bukan semasa	
		Nota belum bayar 8%	50,000
	385,156		385,156